

Headline	Sukarelawan tanam 100 pokok, pulihara habitat kelip kelip		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	20 Mar 2017	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Page No	35
ArticleSize	304 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 18,025		



JAKIRAN JACOMAH (tengah) bergambar bersama sukarelawan yang turut serta dalam program Jom Tanam Pokok Berembang dan Sayangi Sungai Selangor di Pusat Pelancongan Kelip- Kelip Kampung Kuantan, Kuala Selangor, Selangor, baru-baru ini. -UTUSAN/ MOHD. HUSSAIRY SIDEK

Sukarelawan tanam 100 pokok, pulihara habitat kelip-kelip

KUALA SELANGOR 19 Mac - Usaha memulihara alam sekitar terus mendapat perhatian pelbagai pihak termasuk Kelab Generasi Warisan Seri Asahan (Kongres), apabila 200 sukarelawan mengambil inisiatif menanam 100 batang pokok berembang di Pusat Pelancongan Kelip-Kelip Kampung Kuantan.

Menurut Pengerusi Kongres, Ali Tukiran, inisiatif itu dilaksanakan pihaknya sebagai salah satu aktiviti untuk menyemai minat serta memupuk kesedaran orang ramai khususnya generasi muda memulihara alam sekitar terutamanya di Kampung Kuantan yang menjadi lokasi utama tumpuan kelip-kelip.

Katanya, kelip-kelip merupa-

kan hidupan yang sensitif dengan perubahan ekosistem dan sebarang pembangunan yang dijalankan akan memberi kesan kepada bilangan populasi haiwan itu pada masa depan.

"Usaha ini sedikit sebanyak dapat memulihara serta mengekalkan habitat kelip-kelip daripada ancaman kepupusan dan kemusnahan," katanya semasa menghadiri program Jom Tanam Pokok Berembang dan Sayangi Sungai Selangor di sini.

Inisiatif itu turut mendapat sokongan daripada Tenaga Nasional Berhad dan Persatuan Pendayung Kelip-Kelip Kampung Kuantan.

Yang turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit

Melawati, Jakiran Jacomah; Pengurus Kanan Jabatan Hal Ehwal Korporat TNB, Wan Hairul Razli Wan Ahmad Kusaari dan Pengerusi Pelitawanis TNB, Datin Ungku Ashiela Ungku Hamzah.

Dalam pada itu, Ali turut memberitahu pihaknya turut membersihkan sampah-sarap bagi memastikan sungai di kawasan habitat kelip-kelip ini tidak tercemar.

"Hasil daripada program itu, kita berjaya mengumpul kira-kira 450 kilogram sampah di kawasan ini.

"Kita harapkan orang ramai lebih peka dalam memastikan kebersihan persekitaran di kawasan ini dengan tidak membuat sampah sesuka hati," ujarnya.